

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 21 JULAI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 16

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 7-100255
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Petronas bagi pemberian lesen ataupun pemilihan pemohon yang ingin mengendalikan stesen minyak bagi semua kaum.
2. 54-100096
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan syarikat-syarikat di Sarawak yang telah mendapat kelulusan bagi aktiviti menangkap ikan laut dalam dan sama ada kesemua syarikat tersebut telah mengikuti syarat-syarat bagi aktiviti menangkap ikan laut dalam di perairan Sarawak.
3. 4-100424
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian akan membuat kajian berhubung kebenaran kepada restoran beroperasi 24 jam memandangkan mungkin faktor kebersihan akan terjejas jika restoran tidak ditutup pada waktu-waktu tertentu.
4. 47-100118
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil bagi meningkatkan pencapaian atlet wanita dalam negara. Apakah Kementerian mempunyai satu dasar pakaian bagi atlet wanita, khususnya wanita Islam.

5. 67-100338
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah strategi Kementerian di dalam memastikan projek-projek pembangunan tanah terbiar di luar bandar dapat menghasilkan kejayaan kepada masyarakat luar bandar terutama di kawasan-kawasan yang bersempadan dengan pembangunan industri baru seperti di negeri Kedah, Perak, Johor, Selangor dan Pahang.
6. 43-100007
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan Kementerian dalam kajian semula Akta Pengangkutan Jalan serta cadangan peraturan baru bagi menghukum pesalah trafik yang kerap melakukan kesalahan.
7. 44-100051
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan bagi memastikan masalah serangan virus terhadap chip kad kredit tidak merebak ke negara ini.
8. 46-100036
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kakitangan awam peringkat JUSA yang diambil berkhidmat secara kontrak setelah mencapai umur pencen.
9. 74-100129
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Sekolah Jenis Kebangsaan akan termasuk dalam program sekolah sepenuh masa.
10. 66-100281
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah bantuan yang diberi oleh pihak Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil lada hitam dan buah-buahan di Sarawak khasnya dari segi teknikal dan kewangan.
11. 27-100145
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bagaimanakah nasib beratus-ratus Pembantu Pra-Sekolah di seluruh negara yang diberhentikan kerja walaupun telah berkhidmat selama 16 tahun dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk membantu mereka ini.

12. 25-100236
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan terdapat berapa ramai pegawai polis berpangkat inspektor ke atas adalah terdiri daripada kaum bukan Melayu. Adakah mereka ini layak diberi peluang untuk menjawat pangkat seperti CP, DCP dan SAC 1.
13. 23-100220
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- (a) berapakah bilangan Institusi-institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan tetapi masih beroperasi dalam negara kita mengikut negeri setakat Mac 2005; dan
 - (b) berapakah bilangan yang telah dikesan dan apakah tindakan-tindakan yang dikenakan terhadap institusi-institusi itu.
14. 24-100270
Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah peratusan mereka yang ditinggalkan suami, balu dan ibu tunggal yang kini berpendapatan rendah di Sabah dan apakah usaha Kementerian untuk membantu mereka berdikari terutama di dalam bidang perniagaan dan industri kecil dan sederhana untuk membolehkan mereka membina kehidupan yang lebih bermakna dan sejahtera.
15. 73-100354
Dr. Raja Ram a/l Nadayson minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengenai langkah-langkah untuk mengawal kadar inflasi akibat kenaikan harga minyak petrol dan diesel. Selain itu, apakah mekanisme pemantauan yang diaplikasikan untuk mengawal peniaga-peniaga agar tidak menyalahgunakan situasi ini.
16. 51-100279
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah kebangsaan di mana Bahasa Cina akan diperkenalkan sebagai Bahasa Pilihan pada tahun 2006. Sila nyatakan juga dari mana datangnya tenaga pengajar yang dilantik ini.

17. 71-100307
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk "memasarkan" graduan-graduan menganggur dari Malaysia ke negara-negara lain terutamanya ke Timur Tengah yang kekurangan sumber manusia profesional dan teknikal, sekali gus mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan di negara ini.
18. 74-100128
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mendisiplinkan pemandu kenderaan yang kasar di jalan raya.
19. 17-100203
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah flora dan fauna yang unik di Malaysia serta usaha-usaha dan peruntukan Kementerian dalam memelihara flora dan fauna yang unik ini.
20. 42-100138
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan masih ramai lagi orang awam yang masih belum mendapatkan MyKad. Bolehkah Kementerian mengadakan kempen khas seperti pergi rumah ke rumah atau membuka kaunter di pusat-pusat membeli belah dan dibuka pada hari Ahad dan cuti am untuk memudahkan orang ramai berbuat demikian.
21. 23-100225
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mewujudkan "Kompleks Kebudayaan Orang Siam di negeri Kedah" sebagai salah satu daya tarikan kepada pelancong memandangkan tarian "Rambong", Pesta Songkran dan Loy Krathong adalah kebudayaan yang diminati oleh pelancong dari dalam dan luar negara.
22. 40-100262
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan bagi memantau masalah yang terjadi kepada masyarakat orang asli baru-baru ini mengenai penganiayaan yang dilakukan oleh ejen-ejen pekerjaan haram.
23. 47-100113
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan terkini kilang arak yang beroperasi dalam negara serta jumlah lesen jualan arak yang telah dikeluarkan sehingga kini. Berapakah pula kutipan hasil cukai daripada kilang dan pendapatan hasil daripada pengeluaran lesen arak tersebut.

24. 18-100076
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil oleh pihak Kementerian dalam mengawal aktiviti pertubuhan yang mengancam keselamatan dalam negara seperti Gerakan PKPM.
25. 9-100400
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan susulan dan langkah-langkah drastik untuk menyekat akses laman web lucah dengan serta-merta selain daripada menyediakan perisian khas oleh syarikat telekomunikasi dan pembekal perkhidmatan internet (ISP).
26. 40-100249
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan penjenayah-penjenayah dari luar negara tidak dapat memasuki negara.
27. 60-100316
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah mahkamah kita tidak dapat memendekkan tempoh perbicaraan sesuatu kes jenayah kepada setahun berbanding lima tahun sekarang ini. Apakah sudah ada kertas cadangan untuk mengatasi masalah tersebut.
28. 68-100015
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pekerja asing yang telah berdaftar dalam bidang binaan di negara ini.
29. 15-100455
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan di dalam usaha Kementerian untuk membangunkan industri pertanian sebagai pendukung kepada industri makanan, apakah perancangan dan strategi Kementerian untuk memastikan kapasiti dan kualiti pengeluaran makanan negara, terutama di dalam sektor beras dan makanan ruji mampu untuk menyaingi kapasiti dan kualiti pengeluaran negara-negara jiran terutama Thailand.
30. 17-100202
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kes rasuah yang di bawa ke mahkamah dari tahun 2003 hingga 2004 dan berapakah kes yang telah diputuskan bersalah dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan momentum membawa lebih banyak kes ke mahkamah.

31. 19-100359
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kementerian tidak mahu menghapuskan terus kedai-kedai minuman todi di negara ini misalnya di Pulau Pinang yang mana masih terdapat penjualan secara berleluasa.
32. 70-100046
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah Kementerian bercadang menstrukturkan semula operasi bas Transnasional berikutan aduan orang ramai mengenai ketidaktetapan waktu perjalanan dan bas yang sering kali rosak dan keadaan bas yang tidak selesa.
33. 60-100304
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sudahkah JKR menyiapkan projek 'sakit' iaitu 16 buah sekolah dan kolej komuniti yang tergendala pembinaannya pada tahun 2004. Berapakah kos yang terlibat dan apakah pada tahun 2005 terdapat juga projek-projek seperti itu yang dianggap 'sakit'.
34. 54-100102
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan berapa banyakkah peruntukan telah dibelanjakan atau pun disalurkan untuk membantu anak-anak seni tempatan bagi membolehkan mereka meneruskan kerjaya mereka di Malaysia dan sama ada Kementerian telah mengenal pasti anak-anak seni tempatan yang berkebolehan yang patut diberi bantuan oleh kerajaan.
35. 39-100164
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja kakitangan-kakitangan awam dan badan-badan berkanun supaya perkhidmatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan penuh kegigihan dan keikhlasan supaya jentera pentadbiran Kerajaan berjalan dengan efisien dan berkualiti tinggi.
36. 43-100004
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa ramaikah Guru Pra Sekolah yang mempunyai ijazah mengajar di sekolah-sekolah mengikut negeri-negeri dan apakah peluang yang ada untuk kenaikan pangkat dan adakah Kementerian bercadang untuk diwujudkan Penyelia Khas untuk Pra Sekolah di setiap Pejabat Pendidikan Negeri (PPD).

37. 62-100436
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan melaksanakan satu kaedah yang lebih efektif, cepat dan berkesan ketika membayar wang bantuan pelajaran kepada pelajar miskin yang menuntut di sekolah berasrama penuh. Seboleh-bolehnya pada awal tahun sesi persekolah mereka.
38. 29-100412
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai yang telah diisytiharkan muflis dan berapa peratus di kalangan wanita dan lelaki yang terlibat serta pecahan mengikut kaum.
39. 9-100386
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang membuat pelarasan untuk menyeragamkan pensen pesara tentera yang berpencen sebelum 1 Oktober 2004 dengan yang berpencen selepas daripada tarikh itu mengikut kadar pensen semasa.
40. 20-100068
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan pegawai kaunselor yang bertugas sebagai pegawai kaunselor jabatan dan kaunselor sekolah yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah dirancang untuk meningkatkan kepakaran profesionalisme kaunselor setaraf dengan bidang-bidang profesional seperti kedoktoran, kejuruteraan dan sebagainya.
41. 38-100242
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapakah kejadian mencuri air yang berlaku tidak dapat dikesan lebih awal. Setelah sekian lama air itu dicuri barulah tindakan diambil, bukannya ini akan menjadi kerumitan kepada pihak-pihak yang terbabit. Berapa banyakkah kes yang serupa ini telah dapat di kesan sehingga akhir bulan Jun tahun ini.
42. 19-100365
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan keadaan sebenar atau pun peratusan kadar kemusnahan alam sekitar di Malaysia.

43. 45-100175
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah kehadiran pelancong dari negara EU dan Amerika Utara pada 2004, dan apakah faktor penarik utama yang merangsang kehadiran mereka.
44. 46-100026
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan internet dalam negara bebas pornografi. Adakah terdapat sebarang perisian untuk tujuan tersebut dan adakah perisian itu telah diedarkan dalam pasaran serta siapakah badan atau agensi yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakannya.
45. 67-100323
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah misi-misi yang sedang dan akan disertai oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah lembayung PBB dalam waktu terdekat dan apakah strategi Kementerian di dalam mengurangkan risiko kepada nyawa dan keselamatan anggota ATM sewaktu melaksanakan tugas berat ini.
46. 45-100193
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah penerokaan tanah-tanah baru di Cameron Highlands sehingga menjejaskan suhu kawasan tersebut.
47. 22-100190
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan perkembangan ke atas usaha-usaha pencarian bagi Kota Tamadun Kuno yang dinamakan Kota Gelanggi.
48. 20-100062
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran kajian Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan (MAMPU) mendapati sesetengah sistem komputer di jabatan dan agensi awam perlahan kerana pegawai menghabiskan masa memuat turun pelbagai gambar, lagu dan tayangan video melalui internet semasa waktu bertugas.
49. 72-100095
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah model yang akan digunakan untuk menyelesaikan masalah pengurusan bagasi di KLIA agar ianya akan dapat ditingkatkan untuk menyaingi pengurusan di lapangan-lapangan terbang bertaraf antarabangsa yang lain.

50. 39-100163
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah fokus Kementerian untuk menyelesaikan masalah graduan menganggur terutamanya graduan-graduan di luar bandar. Bagaimanakah rancangan Kementerian untuk memanfaatkan tenaga kerja ini supaya tahap tenaga mahir ini ditambah nilai kemahiran mereka.
51. 50-100451
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah simbiosis yang sedang dan telah diusahakan Kementerian di dalam memastikan semua agensi-agensi milik Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan industri pertanian dapat menyelaraskan usaha ke satu hala tuju yang sama dan sama ada Kementerian bercadang untuk membangunkan sebuah pelabuhan perikanan di Timur Semenanjung.
52. 60-100289
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan benarkah program Rakan Muda sebenarnya adalah faktor pembunuh yang menyebabkan pertubuhan-pertubuhan belia di peringkat daerah, kawasan dan cawangan kelihatan tidak lagi relevan. Apakah langkah baru yang sudah dirancang untuk mengatasi masalah golongan belia yang tidak berminat menyertai pertubuhan belia.
53. 53-100328
Tuan Wilson Sagamani a/ Paul Devasagayam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tahanan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang kini menjalani hukuman kerana gagal pulang dalam tempoh pengampunan dan mengikut perangkaan Kementerian berapakah lagi pendatang-pendatang asing tanpa izin yang masih degil berada dalam negara. Apakah tindakan Kementerian seterusnya bagi mengatasi masalah ini.
54. 62-100442
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengelakkan masalah yang timbul di mana pekerja muslim bekerja di rumah bukan Islam dan terpaksa melakukan perkara-perkara yang diharamkan agama.
55. 9-100395
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah undang-undang sedia ada sudah mencukupi bagi membendung penyelewengan oleh pemaju perumahan sehingga menyebabkan pembeli-pembeli rumah tidak terbela dan tidak mendapat apa-apa ganti rugi terutama apabila syarikat pemaju telah gulung tikar sedangkan pengarah-pengarahnya kaya raya.

56. 41-100213
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
- (a) adakah Kementerian mencadangkan pihak majikan semestinya menyediakan Taman Asuhan untuk anak-anak pekerja di samping mengadakan program latihan yang berterusan untuk pekerja; dan
 - (b) bagi majikan yang telah menyediakan kemudahan ini, adakah Kementerian sedia memberi sebarang insentif kepada mereka.
57. 38-100253
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai penagih dadah yang sedang mengikuti rawatan dan pemulihan di pusat-pusat serenti di seluruh negara sekarang ini. Berapa ramai juga di antara mereka yang maut di pusat-pusat serenti ini semasa dalam rawatan dan berapa ramai pula yang dikesan mengidap HIV Aids.
58. 29-100406
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan pengambilan guru kontrak selepas bersara dan apakah kesan positif dan negatif daripada pengambilan tersebut.
59. 19-100372
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah doktor-doktor yang ditempatkan di kem-kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tidak mempunyai kuasa untuk membenarkan pelatih yang mempunyai kesihatan kritikal untuk keluar awal dari kem latihan bagi mendapatkan pemeriksaan lanjut dan adakah doktor terpaksa mematuhi peraturan yang dikawal selia oleh Kem Komandan ini.
60. 4-100426
Datin Paduka Jaya Partiban minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan makanan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan dalam usaha mengawal harga buah-buahan agar tidak jatuh begitu rendah semasa musimnya tiba.

61. 72-100090
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bagaimanakah Kementerian bercadang untuk menyelesaikan kemelut pemandu teksi "limousin" di KLIA yang sudah bertahun-tahun bertikam lidah dengan pengurusan syarikat limousin kerana ianya boleh menggugat pandangan pelancong terhadap negara ini kerana pemandu teksi adalah "front man" (orang pertama) yang ditemui mereka ketika sampai di Malaysia.
62. 61-100349
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan meluluskan penggunaan motosikal sebagai kenderaan menjual roti yang selalunya melindungi lampu dan cermin termasuk penunggangnya.
63. 65-100054
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap keseriusan kecurian bagasi di KLIA serta apakah langkah-langkah segera dan jangka panjang yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.
64. 70-100022
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini sudahkah Kementerian mengambil tindakan terhadap pemegang permit import (AP) kenderaan yang membuat pengisytiharan kurang daripada harga sebenar sehingga menyebabkan Kerajaan kehilangan hasil cukai berbilion ringgit.
65. 53-100332
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan serta rancangan Kerajaan bagi menawarkan penduduk-penduduk terutama yang menetap di kawasan pedalaman serta ladang-ladang yang masih mempunyai taraf penduduk tetap iaitu kad pengenalan merah sejak merdeka lagi untuk taraf kewarganegaraan yang kebanyakannya terdiri daripada kaum keturunan India.
66. 52-100469
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian di dalam memberikan pendedahan yang lebih mendalam akan penyalahan gunaan dadah serta akibatnya kepada pelajar-pelajar memandangkan fungsi Agensi Dadah Kebangsaan adalah lebih menjurus kepada pemulihan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 12/2005) Rang Undang-undang Syarikat Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2005 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”**. [20 Julai 2005]
2. (D.R. 15/2005) Rang Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; **Bacaan Kali Yang Kedua**
3. (D.R. 16/2005) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
4. (D.R. 17/2005) Rang Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005; “
5. (D.R. 14/2005) Rang Undang-undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. “
6. 20-100074
Tuan Osman bin Bungsu akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian yang amat serius terhadap pencapaian pelajar-pelajar orang asli di dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM yang dikatakan amat rendah status pencapaiannya berbanding dengan pelajar-pelajar bumiputera yang lain. Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah segera untuk meningkatkan minat dan pencapaian pelajar berkenaan.

7. 22-100206

Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum negara Myanmar akan menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2006;

Mengambil maklum kepimpinan Myanmar masih belum mengembalikan sistem demokrasi di negaranya seperti yang digalakkan oleh ASEAN dan komuniti dunia;

Mengambil maklum bahawa pemimpin yang dipilih oleh rakyat, Daw Aung San Suu Kyi masih di bawah tahanan di rumah (house arrest);

Maka Dewan ini mengambil keputusan bahawa Myanmar tidak dibenarkan memegang jawatan pengerusi ASEAN sehingga Daw Aung San Suu Kyi dan semua yang dianggap tahanan politik dibebaskan, dan kepimpinan negara tersebut benar-benar membuka ruang untuk pemulihan demokrasi di Myanmar."

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.85	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Maktab Kerjasama Malaysia Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	21 Julai 2005
ST.90	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Amanah Balai Seni Lukis Negara Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	21 Julai 2005
ST.94	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Basiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2003.	21 Julai 2005
ST.96	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (IAM) Bagi Tahun 2004.	21 Julai 2005
ST.97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2003.	21 Julai 2005